



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 MAC 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SELUDUP 40 TAN BERAS PUTIH DARI NEGARA JIRAN, LOKAL, HM -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	GAGAL SELUDUP 40 TAN BERAS THAILAND, NEGARA, KOSMO -11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

19/8/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

8



TRELER bermuatan 40 tan beras putih yang dipercayal dibawa masuk dari negara jiran.

Seludup 40 tan beras putih dari negara jiran

Jitra: Dua lelaki tempatan ditahan ketika cuba menyeludup masuk 40 tan beras putih bernilai RM160,000 pada operasi dijalankan Ca-wangan Risik, Ibu Pejabat Risik Briged Utara, Pasukan Gerakan Am (PGA), Ahad la-lu.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Perak Senior Asisten Komisioner Shahrudin Hashim berkata, beras putih itu disyaki diseludup masuk dari negara jiran melalui Rantau Panjang, Kelantan sebelum dibawa ke utara tanah air untuk proses selanjutnya.

"Dua lelaki tempatan itu berusia 30 dan 34 tahun. Me-

reka ditahan jam 4 petang di sekitar Jitra.

"Kita percaya beras itu hendak dibawa masuk ke kilang di Jitra untuk dibungkus semula," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 7(2) Akta 522 Akta Kawalselia Padi dan Beras 1994, sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM15,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau turut meminta orang ramai untuk terus menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa berkaitan aktiviti haram.

Gagal seludup 40 tan beras Thailand


- Beras itu dipercayai dibungkus semula untuk edaran utara
- Treler diekori PGA dari Rantau Panjang ke Jitra

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

JITRA – Tindakan dua lelaki tempatan menyeludup 40 tan beras putih dari negara jiran menerusi sempadan Rantau Panjang. Kelantan gagal apabila dicekup di satu lokasi di sini pada Ahad lalu.

Dua suspek berusia 30 dan 34 tahun itu ditahan Cawangan Risik Ibu Pejabat Risik Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA) kira-kira pukul 4 petang.

Treler dinaiki mereka yang membawa muatan beras seludup tersebut diekori anggota PGA



SEBAHAGIAN beras yang disyaki diseludup dari negara jiran dirampas di Jitra Ahad lalu.

dari Hentian Banjaran Titiwangsa sehingga ke lokasi penahanan. Komander Briged Utara PGA

Ulu Kinta, Senior Asisten Komisioner Shahrudin Hashim berkata, tangkapan dan rampasan dilaku-

kan Cawangan Risik Ibu Pejabat Risik Briged Utara PGA hasil operasi penguatkuasaan Kawalselia

Padi dan Beras.

"Kita berjaya menahan dua lelaki tempatan bersama rampasan muatan 40 tan beras putih yang disyaki diseludup masuk dari negara jiran melalui Rantau Panjang.

"Beras itu dibawa ke kawasan sebelah utara untuk dipasarkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, pihaknya percaya beras itu akan dibawa ke kilang sekitar Jitra untuk dibungkus semula.

"Beras dirampas dianggarkan bernilai RM160,000, manakala treler pula RM350,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 7(2) Akta 522-Akta Kawalselia Padi dan Beras 1994," ujarnya.

Tambahnya, Briged Utara PGA giat melakukan pengawasan dan rondaan sekitar Perak, Pulau Pinang dan Kedah bagi mengesan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.